5. Baki-baki Butik Yoke Qi pada 1 Januari 20X5.

Tunai	RM15 000
Alatan kedai	RM10 800
Perabot	RM8 400

Maklumat perancangan dari 1 Januari hingga 31 Mac 20X5.

i. Anggaran belian dan jualan:

Bulan	Jualan (RM)	Belian (RM)
Disember 20X4	8 500	3 500
Januari 20X5	9 200	6 200
Februari 20X5	12 400	5 600
Mac 20X5	18 000	10 800

ii. Sebanyak 50% daripada jualan adalah secara tunai. Bakinya akan dibayar oleh pelanggan pada bulan berikutnya.

iii. Sebanyak 70% daripada belian adalah secara tunai. Bakinya diberi tempoh kredit sebulan.

iv. Alatan kedai dan perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

v. Dijangka pada bulan Februari, sebuah kenderaan bernilai RM80 000 akan dibeli dengan bayaran pendahuluan 10%. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama 2 tahun mulai Mac 20X5.

vi. Pada bulan Januari, terdapat tiga orang pekerja. Gaji bulanan setiap pekerja ialah RM900. Pada bulan Mac, seorang pekerjanya menerima kenaikan gaji 20%.

vii. Kadar bayaran pada bulan Disember 20X4 ialah RM280. Kadar bayaran bulan semasa akan dibayar pada bulan berikutnya manakala sewa bulanan akan dibayar pada hujung bulan berkenaan. Pada bulan Mac, sewa dijangka naik 20%.

	Jan.	Feb.	Mac
	RM	RM	RM
Sewa	4 500	4 500	?
Kadar bayaran	230	240	260

Lengkapkan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 20X5 yang berikut.

Butik Yoke Qi

Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 20X5

Butir	Jan. RM	Feb. RM	Mac RM
Baki b/b			
Penerimaan			
Jualan			
Akaun belum terima			
Jumlah penerimaan			
Pembayaran			
Belian			
Akaun belum bayar			
Kenderaan			
Gaji			
Kadar bayaran			
Sewa			
Jumlah pembayaran			
Lebihan/Kurangan			
Baki h/b			

LIVEWORKSHEETS